



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 8

**22hb April 2021**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

**No. 283.**

KANUN TANAH NEGARA  
[Akta 828]

*NATIONAL LAND CODE*  
[Act 828]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE*

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 5 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* pada 1 Januari 2004, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 828], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Akui No. 42047 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang adalah dirizabkan bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang yang dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa sebahagian perizaban yang disebut terdahulu ini dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam

Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Kenanga, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Peti Surat 1362, 13200 Kepala Batas pada jam 10.00 pagi pada 25 Mei 2021.

*Whereas, by Notification No. 5 published in the Government Gazette of the State of Penang on 1 January 2004, in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 828], the State Authority had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Certified Plan No. 42047 deposited in the Office of Director of Survey and Mapping of Penang to be reserve for public purpose, to wit, a site for open area as controlled by the State Secretary of Penang:*

*And whereas, it now appears expedient to the State Authority that a part of the aforesaid reservation should be revoked:*

*Now therefore, the State Authority in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code, once again gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines of Penang at an enquiry to be held at the Kenanga Room, District and Land Office Northern Seberang Perai, Peti Surat 1362, 13200 Kepala Batas at 10.00 a.m. on 25 May 2021.*

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/Mukim—12, Daerah/District—Seberang Perai Utara. No. Lot/Lot No.—5665. No. Pelan Akui/Certified Plan No.—P.A. 42047. Keluasan/Area—3,855 meter persegi/square metres.

Bertarikh 20 April 2021

Dated 20 April 2021

[PTG/PS/SPU/650; PDTSPU/T/R/8/2019; PUBLPP 45-99; PUNPP 352/100/1/2/EA/11 Jld. 16]

DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang/  
Director of Lands and Mines  
Penang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA